

PM ketua program Menanam Pokok Alaf Baru

BH 24 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengetuai ribuan rakyat di seluruh negara menanam 100,000 pokok secara serentak dalam masa seminit pada 15 Oktober depan, sekali gus memecahkan rekod dunia.

Program yang dikenali sebagai Menanam Pokok Alaf Baru itu adalah sebahagian kempen menjadikan Malaysia negara taman dengan menanam tiga juta pokok menjelang akhir tahun ini dan 20 juta pokok menjelang 2020.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata Perdana Menteri akan melancarkan program itu pada jam 10 pagi di Taman Bukit Jalil dan acara itu akan disiarkan secara langsung menerusi RTM.

“Matlamat program ini ialah

untuk menggalakkan seluruh rakyat bekerjasama menjadikan persekitaran negara indah, bersih dan berkualiti sejajar dengan Deklarasi Habitat Dua 1996,” katanya pada sidang akhbar di kementeriannya di sini hari ini.

Rekod dunia bagi penanaman pokok terbanjak dicatat di Brazil pada 10 April 1996 apabila 24,199 pokok ditanam dalam masa seminggu manakala rekod negara dicatat di Lahad Datu, Sabah pada 31 Ogos, 1998 apabila 10,000 pokok ditanam dalam masa seminit.

Ong berkata, program itu diselaras oleh Jabatan Lanskap Negara dengan kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang akan menentukan jenis pokok yang akan ditanam dan kawasan yang sesuai.

Katanya, Jabatan Lanskap Negara membelanjakan RM1 juta

bagi membekalkan 100,000 pokok berkenaan yang akan diagihkan kepada semua negeri dan butiran akan diumumkan kelak kepada orang ramai yang ingin menyertai program itu.

Perak akan menerima 12,000 pokok, Selangor (11,500) Johor (11,500) Sabah (9,000), Sarawak (9,000), Kedah (8,000), Kuala Lumpur (7,000), Kelantan (7,000), Pulau Pinang (6,000) Pahang (6,000), Melaka (3,000) Negeri Sembilan (4,000) Terengganu (4,000), Perlis (1,000), dan Labuan (1,000).

Ong berkata, sehingga Jun lalu 2384,591 pokok ditanam di seluruh negara sejak kempen menanam pokok dilancar pada 3 Mac, 1997 dan beliau berharap kerajaan negeri yang belum mencapai sasaran bilangan pokok supaya meningkatkan usaha mereka bersungguh-sungguh.

Ditanya keberkesanan kempen menanam pokok itu, Ong berkata ia berjaya meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai keperluan mengekalkan pokok bagi memulihara alam sekitar.

Beliau berkata, pada masa ini 70 peratus daripada permukaan negara dilitupi pokok tetapi keadaan ini akan berubah jika kegiatan menebang pokok secara berleluasa dibiarkan tanpa kawalan.

Katanya, kerajaan juga sudah memperkenalkan pelbagai dasar dan peraturan bagi mengurangkan penebangan pokok termasuk larangan menebang mana-mana pokok dengan ukurlilit melebihi 0.8 meter.

“Pihak berkuasa tempatan seharusnya mewartakan pokok terbabit dan menguatkuasakan peraturan itu,” katanya.